

Kerajaan akan terus baiki kehidupan mereka

# Dr M hargai jasa petani, nelayan

Oleh NORZAHIZAN HAJI ISMAIL

**BANDAR SEBERANG JAYA, Selasa** — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, dalam zaman moden ini petani-petani yang bekerja keras membekalkan makanan selalunya tidak memperoleh pendapatan yang cukup untuk keluarga mereka sendiri.

“Oleh itu kita sedang berusaha untuk membantu mereka di samping memastikan negara bukan sahaja mempunyai bekalan makanan yang mencukupi tetapi hendaklah sampai kepada golongan miskin,” tegasnya.

Untuk mencapai hasrat itu, kerajaan memerlukan bantuan kaum petani, peladang dan nelayan. Ini boleh mereka lakukan dengan berusaha meningkatkan lagi daya pengeluaran masing-masing.

Perdana Menteri berucap demikian ketika merasmikan Hari Peladang dan Nelayan Kebangsaan

1985 di sini pagi ini. Beliau juga menyampaikan hadiah kepada pemenang pelbagai anugerah yang diadakan sempena hari itu.

Beliau memberitahu lebih 10,000 petani dan nelayan yang hadir di perhimpunan itu bahawa kerajaan menekankan peningkatan produktiviti melalui kaedah pertanian moden.

Kerajaan juga, katanya, sedang mengkaji dasar pengeluaran padi dan bahan-bahan makanan lain bagi menolong golongan tani tanpa menganaktirikan sektor-sektor lain.

Perdana Menteri berkata, perubahan kaedah pertanian amat penting jika taraf hidup golongan tani hendak ditingkatkan dan bekalan makanan yang cukup dihasilkan.

Katanya, nelayan yang dahulunya ke laut dengan perahu layar kini telah menggunakan bot-bot bermotor, pukuk jenis baru serta keluar secara kumpulan bukan berseorangan lagi.

Petani dan peladang pula, katanya harus menganjurkan pencantuman tanah supaya ia boleh diuruskan dengan berkesan dan menguntungkan.

---

### **BERITA LAIN DAN GAMBAR-GAMBAR LIHAT MUKA 3**

---

Namun begitu, Datuk Seri Dr Mahathir tidak mahu nelayan-nelayan dan petani-petani terlalu mengharapkan bantuan kerajaan. Mereka harus melipatgandakan usaha sendiri.

Katanya, subsidi yang diberikan itu harus dianggap sebagai sokongan kerajaan bagi membolehkan mereka menambah pengeluaran dan seterusnya menikmati pendapatan lebih berpatutan.

"Subsidi yang diberikan itu bukan sedikit, bukan beratus atau berjuta ringgit tetapi ribuan juta ringgit. Ia bukan duit kerajaan tetapi duit rakyat.

"Kita memberinya supaya kita dapat menjual bahan-bahan makanan dengan harga yang murah yang termampu oleh rakyat, terutama golongan miskin," tambah beliau.

Pada masa yang sama, kata Perdana Menteri, petani, peladang dan nelayan janganlah terlalu mudah mempercayai anasir-anasir yang menyebarkan pelbagai dakwaan untuk kepentingan politik.